

22/08/2002

Semua asrama boleh sambut Ambang Merdeka

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Pendidikan bersetuju membenarkan semua sekolah asrama penuh dan asrama harian mengadakan acara sambutan perayaan Ambang Merdeka pada malam 30 Ogos ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Dr Ng Yen Yen berkata, persetujuan itu bagi menggalakkan pelajar menghayati erti kemerdekaan sempena penurunan bendera 'Union Jack' yang digantikan dengan bendera Malaysia yang kini dikenali sebagai Jalur Gemilang.

Katanya, acara sambutan yang bakal diadakan di asrama itu bergantung kepada kreativiti masing-masing, asalkan tidak melanggar tatasusila agama dan budaya masyarakat.

Beliau berkata, sambutan itu boleh dimulakan dari jam 8 malam sehingga 12 malam dan disertai laungan 'Merdeka!' sebanyak tujuh kali serta nyanyian 'Negaraku' dan 'Kerana Mu Malaysia'.

"Sambutan untuk Ambang Merdeka diharap menjadi acara tahunan di sekolah, kilang, kampung tradisi dan kawasan perumahan di seluruh negara. Setiap pintu masuk ke negara ini termasuk lapangan terbang dan lebuh raya juga akan mengadakan acara bagi perayaan Ambang Merdeka," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Terdahulu, Dr Ng, melancarkan dua kenderaan yang membawa papan tanda bergerak dengan mesej sambutan Bulan Kemerdekaan.

Perayaan Ambang Merdeka peringkat kebangsaan akan diadakan pada 30 Ogos di Dataran Merdeka mulai jam 8.30 hingga 12.30 malam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadiri perayaan yang mula diperkenalkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sejak tahun 2000. Hadir sama, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

Antara acara menarik pada perayaan itu ialah menghitung detik 12 malam, laungan merdeka tujuh kali, pengibaran Jalur Gemilang, nyanyian Negaraku, Kerana Mu Malaysia dan Jalur Gemilang. Turut diadakan pertunjukan bunga api dan persembahan kebudayaan serta artis tempatan.

Artis tempatan yang mengambil bahagian termasuk Tan Sri S M Salim; Uji Rashid; D J Dave; Anis Suraya; Liza Hanim; Deja Moss, Manimanan, Les Sekinchan dan artis Malaysia yang menempa nama di Taiwan, Penny Tai.

Dr Ng juga meminta kilang, kampung tradisi dan kawasan perumahan mengadakan acara sambutan perayaan Ambang Merdeka bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan rakyat.

Beliau berharap kilang yang beroperasi pada malam Ambang Merdeka, memberi pelepasan kepada kakitangannya untuk membuat acara kecil-kecilan untuk sambutan itu.

"Kalau boleh kilang berhenti pada jam 12 malam untuk bersama-sama menonton siaran langsung sambutan Ambang Merdeka di Dataran Merdeka serta menyertai pengiraan detik 12 malam dan menyanyi lagu 'Negaraku'. Kilang mungkin boleh buat majlis dengan menjamu kakitangan pada malam itu," katanya.